



IBU bapa Liu Ying, Yong Ooi Lin, 54 dan Goh Chak Whee, 59, menonton siaran langsung perlawanan.



PERDANA Menteri Datuk Seri Najib Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor menonton perlawanan di Seri Perdana, malam tadi.

DAH CUKUP BAGUS

■ Beregu campuran negara raih pingat perak

REAKSI Chan Chee Kong, 57, bapa pemain beregu campuran badminton negara, Chan Peng Soon ketika menyaksikan perlawanan.



Rio de Janeiro

Hasrat untuk merangkul pingat emas sulung Sukan Olimpik tidak kesampaian apabila Chan Peng Soon-Goh Liu Ying tewas pada final acara beregu campuran, malam tadi.

Pasangan nombor 11 dunia berkenaan tidak dapat mencari jawapan kehebatan lawan Tontowi Ahmad-Liliyana Natsir dari Indonesia sekali gus kecundang 14-21, 12-21 dalam tempoh 42 minit.

*H. netro
18/8/16
MIS 10*

Rekod pertemuan memang tidak berpihak kepada beregu negara yang hanya menang sekali dalam sembilan pertemuan selain kalah dua set terus kepada lawan pada aksi terakhir peringkat kumpulan di Rio.

Namun Peng Soon-Liu Ying mengejutkan banyak pihak apabila mereka mara ke perlawanan akhir dengan menyingkirkan pemenang pingat perak London 2012, Xu Chen-Ma Jin dari China pada separuh akhir.

Mereka jelas kelihatan gugup

sejak awal permainan apabila beregu Indonesia itu memulakan rentak dengan agresif dan mendahului 11-4 pada set pertama.

Walaupun berjaya juga merapatkan kedudukan, Peng Soon-Liu Ying terpaksa akur tewas set pertama 14-21 dalam masa 20 minit kepada juara dunia 2013 itu.

Mendapat sokongan gemapita penyokong Indonesia yang menjadikan gelanggang tengah Pavilion 4 Riocentro ba-gaikan Istora Senayan, Tontowi-Liliyana tidak langsung menoleh ke belakang.

Mereka terus memberikan tekanan terhadap Peng Soon-Liu Ying dan mendahului 11-9 pada set kedua.

Bibit-bibit kekalahan menjelma ketika Peng Soon banyak melakukan kesilapan servis dan akhirnya mereka tewas 12-21 set kedua itu.

Sekalipun tewas, Malaysia masih berpeluang merebut pingat emas pertama menerusi beregu lelaki Goh V Shem-Tan Wee Kiong yang akan menentang beregu China, Fu Haifeng-Zhang Nan pada final malam esok.

Setakat ini, Malaysia sudah mengumpul dua perak dan satu gangsa pada temasya itu.

Penerjun Pandelela Rinong-Cheong Jun Hoong menyumbang pingat pertama ia itu perak dalam acara 10m platform seirama wanita manakala pelumba basikal Azizulhasni Awang meraih gangsa dalam acara keirin lelaki, awal pagi semalam.

FAKTA
Peng Soon-Liu Ying mengejutkan banyak pihak apabila mereka mara ke perlawanan akhir

AHLI keluarga Peng Soon menerima sorakan sokongan daripada orang ramai ketika menyaksikan perlawanan, malam tadi.



BADMINTON BEREKU CAMPURAN

SEMALAM

FINAL

Tontowi Ahmad-Liliyana Natsir (INA) **mn** Chan Peng Soon-Goh Liu Ying (MAS) 21-14, 21-12

GANGSA

Zhang Nan- Zhao Yunlei (CHN) **mn** Xu Chen-Ma Jin (CHN) 21-7, 21-11



REAKSI Peng Soon dan Liu Ying selepas mengakhiri perlawanan.